

BAB I
PENGENALAN

BAB I

PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG MASALAH

Golongan pelajar adalah merupakan aset yang amat penting dan merupakan salah satu sumber tenaga manusia yang asas bagi negara yang sedang membangun.

Pembangunan dalam bidang pendidikan adalah merupakan usaha untuk memajukan kehidupan dan meningkatkan kualiti manusia. Begitu juga pendidikan nasional di negara kita Malaysia yang bertujuan untuk memantapkan kehidupan bangsa dan meninggikan kualiti masyarakat dalam mewujudkan masyarakat yang maju, berwawasan dan makmur. Dengan ini membolehkan warganya mengembangkan idea, baik di sudut jasmani ataupun rohani.

Justeru, Malaysia yang sedang menuju ke arah negara maju perlu mengimbangi antara pendidikan sains, teknologi maklumat dan pembangunan manusia. Pemikiran saintifik sememangnya wajar ditanam ke dalam jiwa pelajar supaya mempunyai pendekatan kritis terhadap sejarah masa lampau dan pendekatan masa kini. Namun kepercayaan yang berlebihan terhadap penerokaan dan kajian sendiri sehingga mengurangkan kepercayaan terhadap wahyu adalah sangat merbahaya menurut tasawwur Islam.

Islam telah memberikan penekanan yang begitu berat terhadap pendidikan supaya manusia mempunyai tasawwur dan pengetahuan yang jelas terhadap kehidupan ini. Perkara ini dapat dilihat dengan jelas di dalam Al-Quran dan Al-Hadith yang amat mengambil berat terhadap ilmu pengetahuan dan aspek pendidikan. Terdapat banyak dalil-dalil dari al-Qur'an dan as-Sunnah yang memberi penekanan terhadap aspek pendidikan.

Ayat yang pertama diturunkan kepada baginda Rasulullah (s.a.w) adalah berkaitan dengan aspek asas ilmu pengetahuan dan pendidikan ; iaitu membaca dengan nama Allah tuhan yang menjadikan manusia sebagaimana firman Allah taala:

اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ﴿١﴾

Surah al-'Alaq (96): 1

Bermaksud: "Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk)".¹

Terjemahan Surah al-'Alaq (96): 1

Setiap muslim adalah bertanggungjawab mempunyai tasawwur yang jelas, lengkap dan menyeluruh terhadap kehidupan ini, bagi mentafsir dan berinteraksi secara berkesan dengan sistem dan peraturan yang telah ditentukan oleh Allah Taala. Setiap muslim mesti memahami hubungan antara hakikat uluhiyyah (ketuhanan) dan rububiyah (penghambaan) untuk memahami kedudukan manusia di dunia, matlamat kewujudan dan peranan manusia dalam kehidupan. Tasawwur yang jelas ini mestilah berpandukan kepada sumber yang sah iaitu

¹ Syeikh Abdullah bin Muhammad Basmeih (2000), *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*, Kuala Lumpur: Dār al-Fikr, h. 1412.

Al-Quran dan Al-Hadith untuk dijadikan manhaj (panduan) dan sistem dalam kehidupan.

Justeru, kajian ini akan melihat kesan pengajian “Tasawwur Islam “ terhadap pembentukan sahsiah pelajar di SMU(A) Yayasan Islam Kelantan yang merangkumi pengertian Islam, tanggungjawab manusia, hala tuju kehidupan dan hubungan dengan Allah Taala. Kajian ini amat penting untuk mengetahui sejauhmana para pelajar dapat memahami konsep-konsep asas Islam berlandaskan kepada tasawwur Al-Quran dan Al-Hadith. Kajian ini juga akan melihat kepada sahsiah pelajar terhadap guru, sikap pelajar terhadap pengajian, kepatuhan serta komitmen mereka terhadap ajaran Islam.

1.2 PENGERTIAN TAJUK

Sebelum penulis mengupas secara terperinci berkaitan dengan tajuk kajian ini, berikut adalah huraian kepada pengertian tajuk ini;

A. Tasawwur

Istilah Tasawwur Islam adalah merupakan satu ungkapan yang tidak asing lagi dalam penggunaan masyarakat Islam di Malaysia. Tasawwur bermaksud suatu gambaran atau tanggapan akal atau pemikiran seseorang terhadap sesuatu perkara. Perkataan ini berasal dari kalimah Arab yang memberi beberapa maksud;

- i. Suatu tanggapan terhadap rupa sesuatu yang dapat dikhayalkan.
- ii. Cuba memberi gambaran terhadap sesuatu.
- iii. Memberi gambaran yang sebenar terhadap sesuatu.

Tasawwur juga bererti menghasilkan rupa sesuatu dalam akal. Pengertian kalimah Tasawwur berbeza-beza mengikut disiplin ilmu yang tertentu. Tasawwur di sisi ahli falsafah bermaksud suatu bentuk pemikiran yang tergambar dalam akal manusia mengenai alam dan kehidupan. Ahli psikologi pula berpendapat bahawa Tasawwur ialah menggambarkan tentang suatu perkara di dalam akal tanpa melihat atau berinteraksi dengannya.²

Terdapat percubaan untuk memelayukan istilah Tasawwur Islam seperti menterjemahkannya kepada 'Pandangan Hidup Islam' yang merupakan terjemahan istilah Inggeris iaitu *Islamic World-View*. Walau bagaimanapun Prof. Dr. Harun Din berpendapat adalah lebih baik istilah Tasawwur Islam dkekalkan mengikut sebutan asal bahasa Arab yang maksudnya lebih tepat.³

Tasawwur amat penting dalam kehidupan manusia kerana sikap dan tindakan adalah lahir dari tasawwurnya terhadap kehidupan ini. Tasawwur yang betul akan melahirkan tindakan yang betul. Begitu juga jika sebaliknya. Perbezaan tasawwur adalah berpunca daripada banyak

² 'Alī al-Qāsimī, Aḥmad Mokhtār 'Umar, Muḥyi al-Dīn Sobīr (1989), *al-Mu'jam al-'Arabi al-Asāsī*, Tunisia: Lārousse, h. 755.

³ Haron Din (1992), *Tasawwur Islam*, Shah Alam: Pustaka Hizbi, h. 2

aspek antaranya ialah latarbelakang pendidikan yang mempengaruhi penguasaan ilmu seseorang terhadap Islam.

Oleh yang demikian, Islam telah memberi perhatian yang berat terhadap pendidikan. Ini adalah untuk memastikan setiap insan mempunyai tasawwur dan pengetahuan yang jelas terhadap hakikat kehidupan di atas muka bumi ini.

B. Islam

Islam adalah berasal dari perkataan Arab yang memberi makna penyerahan diri, ketaatan dan kepatuhan. Sebagai agama, Islam merupakan penyerahan diri secara total kepada Allah s.w.t. Ajaran Islam memerintah umatnya taat kepada perintah Allah dan menjauhi laranganNya.⁴

Terdapat pelbagai takrif Islam yang telah diberikan oleh para sarjana Islam bersandarkan kepada nas-nas dari al-Quran dan as-Sunnah. Secara umumnya bolehlah ditafsirkan sebagai sistem kepercayaan, penyembahan, akhlak dan sebagainya yang sering kali melibatkan aspek etika tatasusila dan falsafah. Islam juga merupakan sebagai kaedah sosial dan tatasusila yang lengkap.⁵

⁴ Abu al-A'la al-Maududi (tt), *Towards Understanding Islam*, Terj. Elwin Siregar, *Dasar Akidah Islam*, Jakarta: Media Dakwah, h. 18.

⁵ Muhammad Al-Buraey (1992), *Pembangunan Pentadbiran Menurut Perspektif Islam*, Terj. Abdullah Md. Nor, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h.4

Mengikuti Dr. ‘Abdul Karīm Zaidān dalam kitabnya *Usūl al-Da‘wah*,⁶ Islam bermaksud;

- i- Mengucap Dua Kalimah Syahadah, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, berpuasa pada bulan Ramadhan dan menunaikan Haji.
- ii- Ketundukan, kepatuhan dan penyerahan diri yang mutlak kepada Allah s.w.t. secara sukarela atau paksaan.

Ini berdasarkan firman Allah Taala:

أَفَغَيْرَ دِينِ اللَّهِ يَبْعُونَ وَلَهُ أَسْلَمَ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ
وَالْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَإِلَيْهِ يُرْجَعُونَ ﴿١٦٣﴾

Surah Āli ‘Imrān (3): 83

Bermaksud: *Patutkah sesudah (mengakui dan menerima perjanjian) itu, mereka mencari lain dari ugama Allah? Padahal kepadaNya lah tunduk taat sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi, sama ada dengan sukarela ataupun terpaksa, dan kepadaNya lah mereka dikembalikan.*⁷

Terjemahan Surah Āli ‘Imrān (3): 83

Menurut Hassan Ayyub, Islam dari sudut syarak ialah kepatuhan, ketundukan diri dan ketenangan hati serta penerimaan setiap ajaran agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w.⁸

⁶ ‘Abdul Karim Zaidān (1991), *Usūl al-Da‘wah*, Baghdad: Dār al-Wafā’, h. 9

⁷ Syeikh Abdullah bin Muhammad Basmeih (2000), *op.cit.*, h. 114.

⁸ Hassan Ayyūb (1980), *Tahsyūt al-‘Aqā’id al-Islāmiyyah*, Kuwait: Dār al-Qur’ān al-Karīm, h. 41.

Pengertian Islam secara umum dan menyeluruh seperti yang digariskan oleh Islam sendiri iaitu penyerahan diri kepada Allah. Oleh itu Islam ialah melahirkan iman dan menyatakannya secara praktikal dengan ikrar *Shahadah*, mengerjakan ibadat dan melaksanakan hukum-hukum syarak dalam semua aspek kehidupan.⁹

C. Sahsiah

Sahsiah ialah satu proses mental individu yang menentukan tindak balas tersebut dalam kehidupannya dan ketetapan rasa hati serta perasaan individu. Ia juga memberi makna kesediaan mental yang tersusun daripada pengalaman yang dapat mempengaruhi tindakbalas individu.¹⁰

Sahsiah adalah diertikan juga dengan akhlak yang bermaksud adat kebiasaan, perangai kehormatan dan agama. Menurut Dr. Jamil Saliba: "Akhlak pada pandangan Qudama' ialah suatu sifat bersih dari jiwa yang dapat melakukan tindak tanduk dengan mudah tanpa memerlukan pandangan atau fikiran serta tiada paksaan."¹¹

⁹ Ahmad bin Haji Mohd Salleh (1984), *Kursus Pendidikan Islam*, cet. I, Kota Bharu, Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., h. 3.

¹⁰ Ahmad Yunus bin Kasim, "Matapelajaran Elektif Tasawwur Islam (KBSM): Kesannya Terhadap Perubahan Sikap Pelajar-pelajar Sekolah-sekolah Menengah Daerah Seremban", Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia 2000, h. 18.

¹¹ Jamil Saliba (1971), *al-Mu'jam al-Falsaf*, c. 7, Lubnan: Dār al-Kitāb, h.49

Al-Imām al-Ghazālī¹² pula mendefinesikannya seperti berikut:

الْحَلْقُ عِبَارَةٌ عَنْ هَيْئَةِ رَاسِخَةٍ فِي النَّفْسِ تَصْدُرُ عَنْهَا الْأَفْعَالُ سَهُولَةً
وَيَسْرًا مِنْ غَيْرِ حَاجَةٍ إِلَى فِكْرٍ وَرَوِيَّةٍ

Bermaksud: “*ahklak ialah suatu sifat yang terdapat dalam jiwa yang daripadanya timbul perbuatan dengan mudah tanpa memerlukan pertimbangan fikiran terlebih dahulu.*”¹³

Sekiranya daya penggerak itu melakukan perbuatan yang elok dan terpuji berasaskan fikiran yang waras dan mengikut undang-undang syara’ maka ia dikatakan akhlak yang baik, apabila daya penggerak itu melahirkan perbuatan jahat (buruk) maka ia dikatakan akhlak yang buruk.¹⁴

¹² Beliau ialah Abū Ḥāmid Muhammad b. Muhammad al-Ghazālī, dilahirkan pada tahun 450H. di negeri Tūs. Meninggal dunia pada hari Isnin, 14 Jamadil Akhir 505H.

¹³ Abū Ḥāmid Muhammad b. Muhammad al-Ghazālī (t.t), *Iḥyā’ ‘Ulūmuddīn*, juz. 3, Beirut: Dār al-Ma’rifah, h. 53.

¹⁴ *Ibid.* h. 53

D. YIK

Merupakan singkatan kata kepada Yayasan Islam Kelantan (YIK). Yayasan Islam Kelantan (YIK) ditubuhkan dengan enakmen bilangan 8 tahun 1982 dan mula berkuatkuasa pada 1 Mac 1983 menggantikan dua yayasan yang telah dimansuhkan oleh kerajaan iaitu enakmen Yayasan Pelajaran Islam Negeri Kelantan (YPINK) dan enakmen Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK). Ini berikutan penggabungan Fakulti Syari'ah Wal Qanun dan Usuluddin Wal Ijtima', Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan, Nilam Puri (YPTIK) dengan Akademi Islam Universiti Malaya.¹⁵

1.3 KAJIAN-KAJIAN LEPAS TENTANG TASAWWUR ISLAM

Kajian yang menyeluruh berkaitan dengan Tasawwur Islam dalam bidang penyelidikan di Malaysia masih kurang dan sukar didapati. Kajian penulis dalam bidang ini adalah sebagai memenuhi dan melengkapkan lagi kajian yang telah lalu berkaitan dengan bidang pengajian Tasawwur Islam.

Konsep tasawwur Islam mula diperkenalkan oleh Syed Qutb (1987) dalam bukunya *Khaṣā'is al-Taṣawwur al-Islāmi wa Muqawwimātuh*¹⁶ dan konsep ini

¹⁵ Muhammad Yunan Mahmood (1997), *Sejarah Maahad Muhammadi 1937-1997*, Kota Bharu: Percetakan Zulrahim Sdn. Bhd., h. 74

¹⁶ Syed Qutb (1987), *Khaṣā'is al-Taṣawwur al-Islāmi wa Muqawwimātuh*, Kaherah: Dār al-Syurūq, h. 45.

diolah dengan lebih terperinci oleh Dr. Yusuf al-Qardhawi dalam bukunya (*al-Khaṣāiṣ al-‘Āmmah li al-Islām*).¹⁷

Konsep yang komprehensif berkaitan tasawwur Islam ini juga dihuraikan oleh Abū al-A'lā al-Maudūdi di dalam buku (*Asas-Asas Islam*)¹⁸ dan Prof Dr. Muhammad Hamidullah dalam bukunya (*The Principles of Islam*) **Buku Teks Tasawwur Islam KBSM**.

Di Malaysia antara yang terawal menggunakan istilah tasawwur Islam dalam penulisan ialah Prof. Dr. Harun Din dalam bukunya yang bertajuk (*Tasawwur Islam*).¹⁹ Beliau telah mengekalkan penggunaan kalimah tasawwur Islam tanpa diterjemahkan ke bahasa Melayu.

Antara penulisan lain yang berkaitan dengan perubahan sikap ialah kajian yang telah dibuat oleh Hindun Lidin (1987) tentang kesan pendidikan Islam terhadap perubahan sikap pelajar-pelajar Universiti Teknologi Malaysia.²⁰

Sementara itu kajian yang dilakukan oleh Ahmad Idris (1990) mendapati bahawa masih terdapat banyak kelemahan berhubung dengan konsep, matlamat dan kandungan mata pelajaran Tasawwur Islam dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM).

¹⁷ Yusuf al-Qardhāwi (1977), *al-Khaṣāiṣ al-‘Āmmah Li al-Islām*, Kaerah: Maktabah Wahbah, h. 26.

¹⁸ Abū al-A'lā al-Maudūdi (1988), *Asas-Asas Islam*, Terj.H.O.K. Rahmat, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, h. 5-6.

¹⁹ Haron Din (1992), *Tasawwur Islam*, Shah Alam: Penerbitan Hizbi, h. 2.

²⁰ Hindun Lidin (1987), *Kesan Pendidikan Islam Terhadap Perubahan Sikap Pelajar-pelajar Universiti Teknologi Malaysia*, Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ahmad Diniyah b. Hj. Ihsan (1995) dalam kajiannya pula telah mengutarakan tentang penghayatan nilai akhlak dalam pendidikan Islam di kalangan pelatih-pelatih Islam Maktab Perguruan Teknik (MPT) Kuala Lumpur dengan menggunakan kaedah soal selidik, temubual dan pemerhatian telah mendapati bahawa penghayatan nilai akhlak dalam pendidikan Islam merupakan masalah utama . Proses perubahan sikap dan akhlak bukan sekadar melihat kandungan sukatan tetapi melihat aspek pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran , watak dan keterampilan guru sebagai tauladan kepada pelajar.²¹

Shahrin Awaluddin (1998) membuat kajian tentang tasawwur dan pengetahuan agama di kalangan guru-guru pelatih pendidikan Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia , mendapati para guru pelatih masih belum menguasai sepenuhnya aspek-aspek ilmu Wahyu dan masih belum mempunyai tasawwur yang jelas terhadap pendidikan Islam.²²

Kajian Hasnah Nik Hassan (2000) berkaitan dengan pendekatan pengajaran Tasawwur Islam di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di Wilayah Persekutuan. Kajian ini meninjau terhadap strategi pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan.²³

²¹ Ahmad Diniyah b. Hj. Ihsan (1995), Penghayatan Nilai Akhlak Dalam Pendidikan Islam Di Kalangan Pelatih-Pelatih Islam Maktab Perguruan Teknik (MPT) Kuala Lumpur, (Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia).

²² Shahrin Awaluddin (1998), Tasawwur Dan Pengetahuan Agama Di Kalangan Guru-Guru Pelatih Pendidikan Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia, (Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia).

²³ Hasnah Nik Hassan (2000), Pendekatan Pengajaran Tasawwur Islam di Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Di Wilayah Persekutuan, (Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia), h. 53.

1.4 PERUMUSAN MASALAH

Ajaran Islam sering disalahtafsirkan oleh pelbagai pihak samada daripada bukan Islam maupun masyarakat Islam sendiri yang cetek ilmu pengetahuan dan tidak mempunyai tasawwur yang jelas tentang Islam. Islam sering ditohmah oleh bukan Islam sebagai agama yang keras, keterlaluan, sering dikaitkan dengan keganasan dan kekejaman. Salah faham ini meliputi pelbagai aspek dan diserang dari semua sudut sehingga menyebabkan umat Islam sendiri yang terpengaruh dengan dakwaan-dakwaan yang tidak berasas tersebut.

Pendidikan negara mampu melahirkan masyarakat yang utuh melalui pemikiran saintifik yang ditanam ke dalam jiwa pelajar. Dalam perakuan yang diperuntukkan dalam laporan Razak (1959), laporan Rahman Talib (1960) serta falsafah pendidikan negara yang terdapat suatu kecenderungan bagi mengukuhkan kedudukan pendidikan Islam iaitu supaya dapat mengembangkan potensi pelajar secara menyeluruh bagi membolehkan mereka menjadi manusia yang berilmu, beriman, berakhlak dan beramal.

Perkara ini juga jelas termaktub di dalam Ordinan Pendidikan 1957, dan diulang di dalam kata pengantar Akta Pendidikan 1961 yang berbunyi:

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang harmoni dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkemampuan mencapai kesejahteraan

diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara."²⁴

Untuk melahirkan insan yang berilmu dan bertakwa kepada Allah Yang Maha Esa, serta luhur sahsiahnya haruslah diselenggarakan melalui sistem pendidikan Islam yang berfungsi semenjak alam persekolahan .

Tasawwur Islam berkait rapat dengan sahsiah dan tingkah laku pelajar. Pelajar yang jelas matlamat hidup mengikut konsep tasawwur Islam sepatutnya mempunyai keperibadian yang baik begitu jugalah sebaliknya.

Alam persekolahan merupakan satu peringkat umur yang mencabar dan paling kritikal. Pelajar mula mencari dan cuba membentuk identiti diri, mencari haluan dan menyemai keyakinan diri bagi menentukan apa yang diinginkan dapat dicapai. Dalam mencari dan membentuk identiti inilah, mereka yang tersilap langkah akan terjebak ke dalam pelbagai gejala negatif seperti merokok, menagih dadah, pelacuran dan sebagainya.

Kajian ini akan melihat sejauh mana kesan pengajian Tasawwur Islam terhadap perubahan sikap dan sahsiah pelajar di SMU(A), Yayasan Islam Kelantan. Kajian ini amat penting bagi menilai kefahaman pelajar terhadap konsep-konsep asas Islam melalui proses pengajaran dan pembelajaran.

Kajian ini juga akan meninjau penerimaan pelajar terhadap mata pelajaran Tasawwur Islam, guru yang mengajar, sahsiah pelajar dalam aktiviti kehidupan harian dan komitmen mereka terhadap ajaran Islam.

²⁴ Ee Ah Meng (1997), *Pendidikan di Malaysia I, Falsafah Pendidikan Guru dan Sekolah*, cet. II, Shah Alam, Selangor: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 98.

1.5 TUJUAN PENYELIDIKAN

Penulis telah memilih tajuk tersebut di atas sebagai bidang kajian bagi mengenal pasti sejauh mana pemahaman pelajar dan tasawwur mereka tentang Islam. Kajian ini juga adalah untuk mengetahui kesan pengajian Tasawwur Islam terhadap pembentukan sahsiah pelajar di SMU(A) YIK. Disamping itu ianya juga bertujuan untuk ;

- I. Mengetahui peranan pengajian Tasawwur Islam dalam meningkatkan pengetahuan dan kesedaran pelajar.
- II. Membantu pihak-pihak yang berkenaan untuk mengatasi dan menyelesaikan masalah.
- III. Memberi kefahaman yang jelas dan membentuk sikap positif kepada pelajar terhadap ajaran Islam.
- IV. Memastikan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran Tasawwur Islam dalam menghadapi cabaran globalisasi pendidikan alaf baru.
- V. Mengetahui wujudnya hubungan antara pengajian Tasawwur Islam dengan perubahan sahsiah pelajar terhadap tingkah laku seharian.

Kesimpulannya kajian ini amat bermakna dan berguna kepada semua pihak yang bertanggungjawab dalam bidang pendidikan khususnya kepada para guru yang terlibat secara langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

1.6 KEPENTINGAN PENYELIDIKAN

Hasil penyelidikan ini penting untuk :

- I. Mempastikan pelajar mendapat pandangan yang tepat dan jelas tentang ajaran Islam.
- II. Bahan rujukan kepada mereka yang berkenaan untuk mengatasi dan menyelesaikan masalah.
- III. Memastikan bahawa sukatan yang sedia ada masih sesuai dan mampu menghadapi cabaran pendidikan alaf baru.
- IV. Sebagai bahan informasi kepada masyarakat yang cintakan ilmu pengetahuan.
- V. Sebagai sumbangan penulis dalam khazanah ilmu pengetahuan khususnya berhubung dengan apa yang diselidik.
- VI. Menambahkan wawasan berfikir penulis terutama berhubung dengan masalah penyelidikan ilmiah.

1.7 BATASAN KAJIAN

Penyelidikan ini mempunyai skop dan terbatas kepada perkara-perkara berikut;

- I. Penyelidikan ini dibuat khusus mengenai pengajian Tasawwur Islam.
- II. Penyelidikan ini adalah khusus mengenai kesan pengajian terhadap pembentukan sahsiah pelajar.
- III. Penyelidikan secara pengkhususan hanya melibatkan tiga buah sekolah SMU(A) Yayasan Islam Kelantan (YIK) diwakili oleh SMU(A) bantuan kerajaan, SMU(A) kerajaan dan SMU(A) asrama penuh .

- IV. Pelajar-pelajar yang terlibat dalam kajian ini ialah para pelajar yang mengambil mata pelajaran Tasawwur Islam.
- V. Tumpuan penyelidikan kepada aspek-aspek Tasawwur Islam yang dikemukakan dalam wawancara dengan guru Tasawwur Islam dan borang soal selidik pelajar.
- VI. Penyelidikan ini memberi tumpuan terhadap hubungan pengajian Tasawwur Islam dengan perkembangan sejarah pendidikan.

1.8 METODE PENELITIAN

Sebelum penulis paparkan metode-metode yang digunakan di dalam penyelidikan ini, terlebih dahulu penulis membincangkan apakah yang dimaksudkan dengan metode?

Metodologi berasal dari perkataan perbendaharaan bahasa Inggeris *methodology*. Ia berasal daripada dua gabungan patah perkataan Yunani iaitu *Metode* yang bererti jalan atau sistem, aturan, cara membuat sesuatu atau kaedah.²⁵ Metode yang berasal dari perkataan Inggeris itu digunakan di dalam Bahasa Melayu. Dalam penggunaan biasa, metode bererti kaedah, jalan, teknik, gaya, ragam, bentuk, corak, aturan, cara dan sistem.²⁶ Dengan itu, metode ialah cara atau jalan.²⁷ Sementara *logos* pula bermaksud ilmu. Hasil gabungan dari

²⁵ Khalid M. Hussain (1999), *Kamus Dwibahasa*, Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, cet. XIII, h. 781.

²⁶ Zainal Abidin Safarwan (Haji) (1995), *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., Terbitan Pertama, h. 1161.

²⁷ Koentjaraningrat (1983), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta P T Gramedia, h. 16.

perkataan Yunani *metods* dan *logos* menjadi *methodologi* atau *methodology* memberi pengertian suatu " ilmu tentang cara mengadakan penelitian".²⁸

Kamus Dewan memberikan maksud *methodologi* sebagai " cara melakukan sesuatu atau sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan."²⁹

Penyelidikan pula bererti "tatacara yang teratur yang digunakan oleh manusia untuk menambah ilmu pengetahuan baru".³⁰

Manakala maksud metode mengikut ilmu penyelidikan ilmiah ialah perkara yang menyangkut masalah cara kerja. Melalui cara kerja ini objek yang menjadi sasaran ilmu yang bersangkutan dapat difahami.³¹ Menurut Prof. Imam Barnadib, maksud metode penyelidikan itu ialah ilmu tentang cara mengadakan penyelidikan.³²

Metode-metode yang penulis gunakan dalam kajian ini adalah sebagaimana berikut:

²⁸ Imam Barnadib (1982), *Arti dan Method Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, h; 51.

²⁹ Teuku Iskandar (1986), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 826.

³⁰ Ahmad Mahdzan Ayob (1985), *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi Suatu Pengenalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 3.

³¹ Koentjaraningrat, *lot. cit.*, h. 16.

³² Imam Barnadib (1982), *lot. cit.* h. 51.

1.8.1 Metode Penentuan Subjek

Metode penentuan subjek bermaksud penentuan kelompok orang atau benda yang ingin dikaji.³³ Penulis menulis kaedah pensampelan dalam menentukan subjek kajian.

Kaedah pensampelan ini digunakan apabila saiz objek terlalu besar.³⁴ Yayasan Islam Kelantan (YIK) adalah merupakan sebuah institusi pendidikan yang besar yang mengendalikan pengurusan sekolah-sekolah Arab/ugama di negeri Kelantan.

Oleh kerana bilangan saiz dan objek kajian terlalu besar, penulis telah memilih seramai seratus orang pelajar daripada beberapa buah sekolah sahaja sebagai sampel bagi subjek kajian untuk penyelidikan ini. Penulis telah memilih tiga buah sekolah iaitu mewakili tiga kategori sekolah Yayasan Islam Kelantan iaitu sekolah asrama penuh, sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan. Sekolah-sekolah tersebut ialah seperti berikut:

- i. SMU(A) Maahad Tahfiz Al-Quran mewakili kategori sekolah asrama penuh.
- ii. SMU(A) Syamsul Maarif (P), Pulau Chondong, mewakili kategori sekolah kerajaan.
- iii. SMU(A) Al-Ittihadiyah, Tanjung Pagar, Keteroh, mewakili kategori sekolah bantuan kerajaan.

³³ Kenneth D. bailey (1984), *Kaedah Penyelidikan Sosial*, Terjemahan: Hashim Awang, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 12.

³⁴ J. Supranto (1986), *Kaedah Penyelidikan: Penggunaannya Dalam Pemasaran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 41 – 42.

Sekolah-sekolah berkenaan telah dipilih berdasarkan matapelajaran tersebut ditawarkan oleh pihak sekolah.

1.8.2 Metode Pengumpulan Data

Data merupakan maklumat yang dikumpul dan dianalisa dalam satu-satu kajian. Suatu data yang diperolehi adalah maklumat asas kajian yang dianalisa, diproses atau dibuat kesimpulan. Klasifikasi data termasuklah perkataan, surat, carta, rajah, bil, bacaan meter, dan sebagainya.³⁵ Data berdasarkan pembahagian yang pertama merupakan data asas. Ia adalah maklumat yang didapati terus daripada sumbernya atau objeknya. Manakala bahagian data yang kedua ialah yang diperolehi daripada sumber-sumber kedua contohnya penerbitan.³⁶

Dalam usaha mengumpulkan data, penulis menggabungkan beberapa metode, data-data yang diperolehi diproses serta disusun untuk menjadikan kajian yang lengkap.

Antara metode yang digunakan oleh penulis dalam pengumpulan data ialah:

- a. Metode Soal Selidik
- b. Metode Dokumentasi
- c. Metode Temubual (Interview)

³⁵ Mohd Majid Konting (1990), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 259.

³⁶ J. Supranto, *op.cit*, h. 5-6.

a. Metode Soal Selidik

Bagi menyempurkan kajian ini, penulis juga telah menggunakan metode soal selidik untuk mendapatkan data-data yang berkaitan dengan kefahaman para pelajar dan penghayatan mereka terhadap Islam. Satu set borang soal selidik yang mengandungi beberapa pertanyaan dan jawapan dikemukakan kepada subjek kajian di tempat sampel kajian.

Soalan-soalan yang dikemukakan di dalam borang soal selidik bertujuan untuk mengetahui kefahaman responden tentang tasawwur Islam.

b. Metode Dokumentasi

Metode ini merupakan kajian terhadap data-data yang bertulis atau bergambar. Metode ini mengumpulkan segala petikan daripada buku-buku, majalah, akhbar dan kertas kerja serta seminar. Termasuk dalam dokumen ialah laporan sesuatu jabatan atau badan berkanun, syarikat, persatuan dan seumpamanya.³⁷ Penulis menggunakan metode ini dalam menyelidik perkara berikut:-

- a. Bab pendahuluan yang meliputi latar belakang masalah dan metodologi kajian.
- b. Bab kedua yang menyentuh tentang matlamat pendidikan menurut Islam, konsep pendidikan mengikut tasawwur Islam dan pengajian tasawwur Islam dalam sukatan pelajaran KBSM.

³⁷ Ahmad Mahdzan Ayob (1985), *Kaedah Penyelidikan Sosio-ekonomi Suatu Pengenalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 49.

c. Bab ketiga iaitu sejarah pengajian Tasawwur Islam

Dalam kajian ini penulis telah mencuba untuk mendapatkan dokumen-dokumen daripada sumber pertama, walau bagaimanapun terdapat juga sumber diperolehi daripada sumber yang kedua. Antara sumber pertama ialah al-Quran dan al-Hadith. Manakala sumber kedua pula ialah seperti buku-buku terjemahan, buku-buku pendidikan dan sebagainya.

c. Metode Temubual (Interview)

Ia merupakan satu cara untuk pengumpulan data yang digunakan untuk mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan daripada seseorang dengan cara bercakap secara berhadapan muka atau langsung dengan informen, terdiri daripada para guru dan individu yang terlibat dengan kajian bagi mendapatkan maklumat.

Setelah penulis memutuskan sampel kajian, penulis akan menggunakan metode temubual atau wawancara bertujuan untuk mendapatkan keterangan maklumat atau pendirian secara lisan daripada informan atau responden. Penulis melakukan wawancara dengan mereka melalui daftar pertanyaan yang tersusun dan direncanakan.

Penulis menggunakan metode wawancara atau temubual dalam sebahagian dari tesis ini. Mereka yang terlibat terdiri daripada tokoh-tokoh

yang mempunyai hubungkait dengan persoalan kajian, seperti guru matapelajaran, guru disiplin dan para pegawai YIK.

Metode temubual atau wawancara digunakan untuk mendapatkan data-data bagi menyempurnakan persoalan berikut:-

- a) Proses pengajaran dan pembelajaran tasawwur Islam dalam bilik darjah.
- b) Kesan pengajian tasawwur Islam terhadap perubahan sikap dan sahsiah pelajar

1.8.3 Metode Analisa Data

Analisis dijalankan sebagai satu usaha untuk menyusun, mempertimbang dan menghasilkan penerangan berhubung dengan data supaya maksud yang berkaitan dapat diwujudkan.

Setelah data-data terkumpul melalui metode-metode yang telah diterangkan tadi, penulis membuat analisa terhadap data-data tersebut dengan menggunakan analisis deskriptif iaitu penghuraian data yang diperolehi dalam bentuk peratusan pada setiap item bagi setiap elemen dalam kesemua faktor untuk memudahkan proses pengiraan dan perbandingan keputusan dibuat. Penjadualan data-data ini juga membolehkan proses membuat kesimpulan dan rumusan kajian dengan lebih baik dan sistematik.

Analisis deskriptif melibatkan tiga ukuran iaitu min, median dan mod. Segala data yang diperolehi dari borang kajian soal-selidik dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistikal Package For The Social Science (SPSS-PC for Windows-Version 10.0)* untuk memperolehi statistik deskriptif seperti kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai sebelum satu kesimpulan dibuat berkaitan kesan pengajian tasawwur Islam terhadap pembentukan sahsiah pelajar.

Penggunaan metodologi yang dihuraikan ini, penulis berharap akan menghasilkan sebuah penyelidikan yang baik dan bermutu.

1.9 SISTEMATIK PENULISAN

Secara umumnya, penulisan ini disusun secara sistematik mengikut bahagian-bahagian yang tertentu. Oleh itu penulis telah membahagikan kepada lima bahagian yang dinamakan bab. Ini adalah untuk memudahkan kajian dan mengetahui sesuatu itu dengan lebih mendalam lagi.

Bab pertama adalah merupakan bab pendahuluan, di mana penulis telah memasukkan dalam bab ini latar belakang masalah yang merangkumi pengenalan ringkas mengenai subjek untuk kajian.. Dalam bab ini juga, penulis menghuraikan pengertian tajuk, perumusan masalah, tujuan memilih tajuk, kepentingan penyelidikan, pembatasan kajian, metodologi penyelidikan dan sistematik penulisan.

Dalam bab yang kedua pula, penulis membicarakan tentang landasan teori kepada kajian ini merangkumi matlamat pendidikan, matlamat pendidikan menurut Islam dan konsep pendidikan mengikut Tasawwur Islam dan kandungan pengajian Tasawwur Islam dalam sukatan pelajaran KBSM.

Manakala bab ketiga, penulis telah menerangkan tentang pengajian Tasawwur Islam dalam sejarah pendidikan, sejarah pengajian Tasawwur Islam dalam sistem pendidikan Malaysia, sejarah kedatangan Islam ke negeri Kelantan, perkembangan pendidikan Islam di negeri Kelantan, dan institusi pendidikan Islam di sana. Penulis juga menjelaskan sejarah penubuhan Yayasan Islam Kelantan.

Bab keempat pula adalah laporan penyelidikan dan analisa data berkaitan dengan pengajian Tasawwur Islam dan analisa terhadap kajian.

Bab kelima berhubung dengan penutup, meliputi kesimpulan khusus dan umum, permasalahan yang timbul dalam menyiapkan kajian, saranan-saranan dan kata penutup.

Bahagian akhir disertasi ini, penulis memuatkan daftar bibliografi dan lampiran-lampiran.